

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 19/2001**PERATURAN KELUAR NEGARA**

3775

Adalah dimakdumkan bahawa di bawah ini ialah peraturan dan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh Fakulti/ Bahagian/Unit dan juga oleh staf dalam urusan-urusan Perjalanan Keluar Negara iaitu selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan bil. 5 Tahun 1999 bertarikh 24 Ogos 1999 iaitu mengenai Garis Panduan Mengawal Perbelanjaan Awam dan juga surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri bil. 1 Tahun 1984 bertarikh 1 Mac 1984.

2. Di antara peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan bil. 5 Tahun 1999 ialah:

- a. Perjalanan ke luar negara kerana tugas-tugas rasmi untuk menghadiri persidangan dan mesyuarat di peringkat antarabangsa yang melibatkan penyertaan pegawai dalam badan-badan antarabangsa di mana Kerajaan menjadi ahli dan rundingan dua hala antara Kerajaan adalah dibenarkan sekiranya perjalanan tersebut termasuk dalam senarai perjalanan yang telah dilulus dan disediakan peruntukan oleh Perbendaharaan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19 Tahun 1990 bertajuk Peraturan Mengenai Penyertaan Pegawai-pegawai Untuk Menjalankan Tugas Di Luar Negeri.
- b. Bagi perjalanan ke luar negara untuk menghadiri kursus, seminar, simposium, bengkel dan seumpamanya, kawalan yang paling ketat perlu dikenakan oleh semua Pegawai Pengawal supaya kursus/seminar/simposium/bengkel itu terlebih dahulu dikenalpasti sebagai sangat penting dan tidak terdapat di dalam negara serta berkaitan dengan tugas-tugas pegawai. Cadangan perjalanan di bawah kategori ini hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan terlebih dahulu walaupun Jabatan/Agensi mempunyai peruntukan yang mencukupi. Senarai cadangan perjalanan sedemikian hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan bagi setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan.
- c. Lawatan sambil belajar ke luar negara dan lawatan ke luar negara yang berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu kontrak atau projek sama ada dibiayai di bawah Perbelanjaan Mengurus mahupun Perbelanjaan Pembangunan tidak dibenarkan sama sekali kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan.
- d. Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah merancang dengan teliti semua perjalanan ke luar negara bagi sesuatu tahun supaya penyertaan pegawai dapat dihadkan kepada perjalanan yang perlu sahaja dan saiz sesuatu rombongan serta tempoh lawatan adalah pada tahap minimum. Perjalanan dan lawatan yang dibuat secara ad hoc hendaklah dielakkan sama sekali walaupun Jabatan/Agensi mempunyai peruntukan.

Peranan Fakulti/Bahagian/Unit

3. Maka bagi mematuhi peraturan diperenggan (b) di atas Fakulti/Bahagian/Unit dikehendaki menyediakan cadangan dan jadual staf yang akan keluar negara secara rasmi bagi setiap suku tahun untuk dimajukan bagi kelulusan Perbendaharaan. Sebagai contoh untuk perjalanan keluar negara bagi bulan Oktober, November dan Disember 2001 hendaklah dikemukakan sebelum 31 Julai 2001.

Peranan Staf/Individu


4. Selanjutnya selaras dengan surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri bil. 1 Tahuri 1984 bertarikh 1 Mac 1984 peranan atau tanggungjawab setiap staf yang akan keluar negara sama ada secara rasmi atau persendirian dikehendaki juga memohon kebenaran mengikut peraturan-peraturan sebagaimana pernah diperjelaskan dalam Pekeliling Pentadbiran Universiti ini bil. 4/1990. Seperti ditetapkan, dalam pekeling tersebut staf perlu mengisi borang A bagi menghadiri persidangan, seminar, kursus, lawatan rasmi atau yang berkaitan, Borang B untuk perjalanan ke negara-negara Komunis atau Negara Terhad, Borang C lawatan persendirian keluar negara selain daripada lawatan ke Singapura dan Borang D lawatan persendirian ke Singapura. Borang-borang boleh diperolehi di Fakulti/Bahagian/Unit.

5. Dengan ini semua Fakulti/Bahagian/Unit dan juga staf hendaklah mengambil maklum mengenai peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Unit yang bertanggungjawab bagi menyelaraskan urusan-urusan di atas ialah Unit Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar kecuali perkara-perkara yang boleh diputuskan di peringkat Fakulti/Bahagian/Unit. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian terima kasih dan diharapkan mendapat kerjasama dari semua pihak.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



KASIRAN BIN SAMAN

Pendaftar

- s.k:
- Y. Bhg. Datuk Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Perancangan Korporat)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik)
 - Timbalan Naib Canselor (HEP & ALUMNI)
 - Pengarah Kampus UTM, Jalan Semarak, Kuala Lumpur
 - Pengarah Kampus UTM, Cawangan Pahang
 - Pengarah Akademi Tentera Malaysia
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah.